

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HKN 308 – Seminar Dalam Kesusasteraan Nusantara II :
Aspek-Aspek Pensejarahan**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN [8]** soalan. Jawab **EMPAT [4]** soalan, **DUA [2]** daripada **BAHAGIAN A** dan **DUA [2]** daripada **BAHAGIAN B**.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. Keseluruhan perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional memperlihatkan beberapa sifat tertentu. Dengan memberi contoh-contoh yang jelas bincangkan sifat-sifat tersebut.
2. Ramai sarjana telah memperkatakan tentang kelemahan-kelemahan karya R.O. Winstedt yang bertajuk *A History of Classical Malay Literature*. Bincangkan isi dasar kritikan mereka dan kemudian berikan penilaian anda tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan bagi mengenengahkan satu pensejarahan yang lebih memuaskan.
3. Kelahiran tokoh-tokoh dalam perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional pada kurun ketujuh belas dan selanjutnya dapat dianggap sebagai satu fenomena yang unik. Dengan memperlihatkan sifat-sifat kepengarangan Melayu zaman tersebut bincangkan pernyataan di atas.

4. Untuk menulis sebuah sejarah kesusasteraan Melayu tradisional yang unggul kerja-kerja filologi merupakan satu usaha yang amat penting. Bincangkan. Dengan menjelaskan kerja-kerja dasar dalam kajian filologi huraikan kemanfaatan yang boleh diperoleh dalam menyempurnakan usaha memperkemaskan pensejarahan kesusasteraan Melayu.

BAHAGIAN B

5. “Dengan demikian, apabila belum juga diketemukan karya-karya berbahasa Melayu yang sama berisi dan segar bahasanya seperti karya Hamzah, maka Hamzah Fansuri sudah sepatutnya mendapatkan gelar sebagai Bapak Bahasa dan Sastra Melayu.”

(Abdul Hadi W.M.)

Bincangkan pernyataan di atas dan perlihatkan hubungkaitnya dengan tokoh Abdullah Munsyi dan Ahmad Rijaluddin.

6. Modeniti dalam karya kesusasteraan Melayu memperlihatkan paduan yang erat antara unsur-unsur moden dengan unsur-unsur tradisi. Bincangkan.
7. Bincangkan secara kritis **dua** daripada perkara berikut dalam konteks sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu:
 - [a] Kajian periodisasi
 - [b] Peranan ASAS 50 **atau** Angkatan 45
 - [c] Peranan kritikan
8. Bincangkan **tiga** kepentingan kajian tokoh dalam sejarah sastra sesuatu masyarakat. Berdasarkan kepentingan-kepentingan tersebut, bincangkan sumbangan dan kedudukan Usman Awang dalam konteks sejarah kesusasteraan Melayu.